

11 JUL 2001
Yong-Likas
YONG SEDIA HADAPI BANTAHAN

KOTA KINABALU, 11 Julai (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Likas Datuk Yong Teck Lee berkata beliau menganggap sebagai satu penghormatan jika ada pihak yang membuat bantahan terhadap pencalonannya pada hari penamaan calon pilihan raya kecil Likas esok.

Katanya apa yang membimbangkan beliau ialah jika tiada siapa berminat untuk membantah, yang menunjukkan beliau seolah-olah bukan calon yang kuat.

"Jika tiada bantahan, ini bermakna tiada seorang pun calon yang bimbangkan tentang pencalonan saya...bantahan semasa hari pencalonan adalah sebahagian daripada prosedur, ia sangat biasa," katanya kepada pemberita di sini selepas dinamakan sebagai calon BN bagi pilihan raya kecil Likas.

Yong berkata: "Bagi mereka yang berusaha menghalang saya daripada bertanding, saya berasa dihormati dan memandangkan halangan perundangan sudah pun berakhir...semua parti politik dan personaliti yang cenderung politik kini harus ke medan pertarungan Likas dan terserah kepada rakyat untuk membuat pilihan.

Yong yang juga Presiden Parti Maju Sabah juga berterima kasih kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Pengerusi BN Sabah Datuk Chong Kah Kiat kerana memberi mandat kepadanya mempertahankan kerusi itu untuk BN.

Mengenai peluang BN, Yong berkata ia adalah cerah kerana gabungan itu memberi perkhidmatan baik kepada rakyat di kawasan itu selama ini.

Sementara itu, pemilihan Yong sebagai calon mendapat sokongan pelbagai pihak.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Salleh Tun Said berkata Umno akan memberi sokongan padu kepada Yong dan memastikan anggota Umno yang layak, keluar memberi sokongan mereka kepada bakal calon BN itu.

"Sungguhpun Umno Sabah mengemukakan hasrat untuk mengemukakan calon, tetapi kita sebagai parti yang berdisiplin akan akur dengan keputusan yang dibuat," katanya.

Mengenai kemungkinan Keadilan akan mengemukakan calon pada pilihan raya kecil itu, Salleh berkata BN tidak kisah siapa lawan yang bakal dihadapinya.

"Rekod kita baik dan seperti yang kita tahu Likas adalah tempat pembangunan besar dilaksanakan seperti Universiti Malaysia Sabah dan Taman Perindustrian Kota Kinabalu," katanya.

Pilihan raya kecil kawasan Likas diadakan berikutan keputusan Mahkamah Pilihanraya mengisytiharkan keputusan pilihan raya negeri Sabah pada 1999 bagi kerusi itu sebagai batal dan tidak sah setelah mendapati ada kesalahan menurut Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya serta kewujudan pengundi "hantu".

Pada pilihan raya negeri itu, Yong menewaskan lima calon lain dengan majoriti 4,962 undi.

-- BERNAMA
JS NAK